

Company Name : NexG Berhad
Date : 16 October 2025
Source : Berita Harian

NexG Dapat Lanjutan Kontrak Bernilai RM12.18 Juta Daripada JPJ



KUALA LUMPUR: NexG Bhd memperoleh kontrak kerajaan keempat dalam tempoh kurang dua bulan, dengan terbaharu lanjutan kontrak bernilai RM12.18 juta daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Anak syarikat milik penuh NexG, Datasonic Technologies Sdn Bhd, akan membekalkan bahan guna habis yang digunakan untuk mencetak lebihan kad lesen memandu.

Lanjutan kontrak ini akan berlangsung selama 26 bulan, bermula dari 1 September 2025 hingga 31 Oktober 2027, menurut satu makluman di Bursa Malaysia.

Nilai keseluruhan kontrak kini mencecah RM33.7 juta.

Kontrak asal telah dianugerahkan pada Oktober 2024 oleh JPJ, merangkumi pembekalan serta pencetakan kad lesen memandu kategori khas selama 36 bulan, berakhir pada 31 Oktober 2027.

Di bawah syarat yang telah disemak semula, Datasonic Technologies akan menyediakan bon pelaksanaan tambahan bernilai RM203,025.99, yang sah sehingga 31 Oktober 2028.

Kemenangan kontrak terbaharu ini selepas syarikat menerima lanjutan kontrak selama 18 bulan daripada Jabatan Imigresen bagi pembekalan kad pekerja asing.

Nilai kontrak itu tidak didedahkan dalam pengumuman semalam.

Awal bulan ini, NexG turut mengumumkan kontrak selama enam tahun bernilai RM732.72 juta daripada Kementerian Dalam Negeri KDN untuk membekalkan kad pengenalan negara, termasuk MyKad dan MyTentera.

Pada Ogos lalu, syarikat menyatakan bahawa unitnya, Datasonic Technologies, dianugerahkan kontrak selama enam tahun bernilai RM1.73 bilion oleh KDN bagi pembekalan pasport Malaysia.